

SYARAT-SYARAT PROGRAM GOTONG-ROYONG

DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

1. Semua permohonan perlu melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat.
2. Borang permohonan boleh didapati di semua Pejabat Ahli Majlis MPP Zon MPKj atau di Bahagian Pembangunan Masyarakat, No. 25-2, Jalan Metro Avenue 1, Metro Avenue, 43000 Kajang.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari sebelum program berlangsung.
4. **HANYA** aktiviti membersihkan kawasan guna sama seperti pembersihan longkang, membersihkan kawasan taman permainan seperti mengandam pokok-pokok bunga, memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes, sapuan jalan adalah **DIBENARKAN**.
5. Pihak Majlis Perbandaran Kajang tidak menyediakan peralatan gotong-royong seperti plastik sampah, cangkul, scoop dan sebagainya. Penggunaan plastik sampah mudah urai adalah digalakkan.
6. Penduduk **DILARANG** melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok semasa gotong-royong dilaksanakan. Sekiranya terdapat permintaan, perlulah merujuk terlebih dahulu kepada jabatan yang berkaitan. Cantasan hanya dilaksanakan berdasarkan keperluan dan pandangan daripada jabatan teknikal sahaja.
7. Aktiviti mencantas pokok bunga, pokok buah-buahan penduduk adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Sekiranya terdapat sampah kebun (pokok bunga, pokok buah-buahan) semasa gotong-royong, penduduk perlu melupuskan sendiri dan kos adalah ditanggung oleh penduduk.
8. **TIADA** sebarang aktiviti **SPRING CLEANING** atau **SAMPAH PUKAL** (melupuskan perabot-perabot, barangan elektrik) semasa gotong-royong dilaksanakan.
9. Pihak Majlis Perbandaran Kajang hanya menyediakan perkhidmatan membuang sampah semasa gotong-royong pada hari yang sama atau dalam tempoh **TIGA (3) HARI** selepas aktiviti selesai dilaksanakan.
10. **KESELAMATAN** penduduk semasa aktiviti dilaksanakan adalah di bawah **TANGGUNGJAWAB SENDIRI**.
11. Amalan kitar semula di kalangan penduduk **AMAT DIGALAKKAN**.



BORANG PERMOHONAN GOTONG ROYONG
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT,
NO. 25-2, JALAN METRO AVENUE 1, METRO AVENUE, KAJANG.
TEL : 03-87377899 samb. 7060 / FAX : 03-87377897

Nama Pemohon / Persatuan Penduduk / :
Organisasi

Alamat :
.....

Kawasan yang dipohon :

Bil Peserta :

Saya bersetuju dengan syarat-syarat yang dilampirkan.

Tandatangan Pemohon :

No. Tel. / Emel :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan Tuan / Puan telah Diluluskan / Ditolak Tarikh :

Tandatangan Penyelia / Penyelaras Tarikh :

